



KENYATAAN MEDIA

PERKESO MENYAMBUT BAIK KEPUTUSAN MAJLIS PEKERJAAN NEGARA

Susulan kepada muat naik YAB Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin di laman Facebook berhubung mesyuarat ketiga Majlis Pekerjaan Negara (NEC) yang dipengeruskannya semalam, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) ingin berkongsi maklumat lanjut berhubung beberapa perkara yang diperbincangkan.

PERKESO telah memaklumkan kepada mesyuarat bahawa terdapat peningkatan positif dalam jumlah Orang Bekerja Sendiri (OBS), termasuk pekerja GIG, yang mendapat perlindungan sosial daripada PERKESO.

Bilangan OBS aktif yang mendaftar dan mencarum dengan PERKESO telah bertambah dari **2,338 individu pada tahun 2017 kepada lebih 71,000 pada tahun 2019**. Pada tahun **2020, jumlah ini meningkat ke lebih 80,000** dan setakat ini, bilangan OBS aktif telah melonjak kepada lebih **142,000 individu**. Lonjakan ini adalah hasil pengiktirafan Kerajaan terhadap peranan penting yang dimainkan oleh mereka yang bekerja sendiri termasuk pekerja GIG, terutamanya dalam mendepani pandemik Covid-19 yang melanda.

Pengiktirafan yang diberikan Kerajaan ini telah membolehkan PERKESO, dengan sokongan Kementerian Kewangan menerusi pelbagai pakej rangsangan yang diperkenalkan, merangka **tiga program padanan caruman bagi perlindungan sosial** ke atas golongan yang bekerja sendiri iaitu:

- i. **PenjanaGig** di bawah pakej PENJANA bagi pekerja GIG;
- ii. **SPS Lindung** di bawah Belanjawan 2021 bagi GIG *riders*, para sukarelawan dan pekerja *Contract For Service* dalam sektor awam; dan
- iii. **SPS Prihatin Wanita** di bawah pakej PEMERKASA bagi usahawan dan pekerja wanita yang bekerja sendiri.

NEC juga telah menyokong dan memperakui perancangan PERKESO untuk **memperluaskan liputan perlindungan keselamatan sosial yang diberikan kepada pelbagai kumpulan OBS lain** melalui beberapa inisiatif kolaborasi bersama Kementerian terlibat seperti Kementerian Pengangkutan ataupun persatuan-persatuan pekerja seperti Lembaga Kemajuan Perikanan Malaysia, Persatuan Seniman Malaysia

dan sebagainya. Sasaran PERKESO adalah untuk **melindungi 200,000 pekerja aktif daripada kategori OBS menjelang akhir tahun ini.**

Bagi memperkukuh lagi rangka perlindungan sosial kepada golongan OBS, PERKESO bersama Kementerian Sumber Manusia juga merancang **untuk meminda Akta Sistem Insurans Pekerja [Akta 800]** yang antara lain akan turut memberikan mereka perlindungan apabila berlaku **kehilangan pekerjaan ataupun pendapatan akibat daripada kejutan ekonomi, bencana alam dan lain-lain.**

OBS yang kehilangan pekerjaan ataupun pendapatan juga akan turut diberi akses kepada perkhidmatan pekerjaan **menerusi portal MYFutureJobs** dan program pasaran buruh aktif di bawah PERKESO yang akan membantu dalam mengurangkan tempoh masa pengangguran juga peningkatan kerjaya mereka.

Mengenai Program Kerjaya UP yang dirangka oleh PERKESO bersama Kementerian Sumber Manusia khusus untuk golongan miskin dan miskin tegar bandar pula, PERKESO menghargai persetujuan NEC agar ianya diperluaskan secara lebih agresif dengan sasaran lebih meluas bagi membantu meningkatkan sosioekonomi golongan sasar program ini. Program yang melibatkan 14 Kementerian, Agensi dan NGO ini akan melaksanakan lima aktiviti utama iaitu temu duga, kaunseling kerjaya, latihan kemahiran, bantuan akses kepada pembiayaan serta pendaftaran perniagaan. **Program ini akan dibawa menjelajah ke bandar-bandar besar di serata negara bermula Julai nanti.**

Untuk para penganggur jangka masa panjang yang dikenal pasti di Program Kerjaya UP, PERKESO juga akan melaksanakan program intervensi khas di mana individu terbabit akan menjalani program khas untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran mereka. Antara intervensi yang akan dilaksanakan termasuk ujian psikometrik, kaunseling kerjaya, program latihan kemahiran, simulasi temu duga, padanan kerja melalui MYFutureJobs dan lain-lain. **Antara 7,000 hingga 10,000 penempatan pekerja dijangka akan dapat dihasilkan melalui Program Kerjaya UP ini di serata pelusuk tanah air.**

Dikeluarkan oleh,
Bahagian Komunikasi Strategik
Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
8 MEI 2021

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi Izad Hj Raya, Ketua Pegawai Komunikasi di talian +6012 - 6377 890 atau Shafiq Adnan di talian +6018 – 324 6720